

Pengaruh Sahih al-Bukhari dalam Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Analisis dari Aspek Pengajaran, Penulisan dan Penterjemahan

*Influence of Sahih al-Bukhari in Muslim Community in Malaysia:
An Analysis on Aspects of Its Teaching,
Writing and Translation*

Faisal Ahmad Shah
Mohamad Hasbullah Salim

Abstrak

Artikel ini membincangkan mengenai perkembangan pengajaran, penulisan dan penterjemahan Sahih al- Bukhari di Malaysia. Dari aspek pengajaran, tumpuan akan diberikan kepada perkembangan pengajian Sahih al-Bukhari di pusat pengajian pondok, madrasah, institusi masjid dan surau, pusat pengajian awam seterusnya ke peringkat karya-karya jawi yang dihasilkan mengenai Sahih al-Bukahri sehingga kajian-kajian masa kini dalam bentuk disertasi dan tesis yang dihasilkan di peringkat universiti. Kajian ini berjaya membuktikan perkembangan pesat proses pengajaran, penulisan dan penterjemahan Sahih al-Bukhari di Malaysia yang telah bermula sejak kurun ke-20 sehingga kini.

Kata kunci Sahih al-Bukhari, masyarakat Islam

Abstract

This article discusses the development of the teaching, writing and translation of Sahih al-Bukhari in Malaysia. From the aspect of teaching, the focus is on the development of teaching of Sahih al-Bukhari in religious schools, madrasah, mosques, public education institutions and also in universities. From the aspect of writing and translating, the focus is on the jawi books written about Sahih al-Bukhari and on today's research in the form of dissertations and theses produced at the tertiary level. This research proved that there is a lot of development in the process of teaching, writing and translating the Sahih al-Bukhari in Malaysia since the 20th century up to the present.

Keywords Sahih Al Bukhary, Muslim Community

PENDAHULUAN

Sahih al-Bukhari diakui menempati kedudukan yang paling tinggi sebagai kitab yang paling sahih selepas al-Quran. Ia dikarang oleh seorang tokoh ulama tersohor dalam bidang hadith iaitu Muhammad bin Ismail al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari* merupakan sebuah kitab yang menghimpunkan koleksi hadith-hadith sahih yang pertama pernah dihasilkan. Kitab yang mendapat pujian ulama dunia merupakan model dan contoh kepada kitab-kitab yang dihasilkan selepasnya seperti *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Dawud*, *Sunan al-Tirmidhi* dan kitab-kitab hadith yang lain. Menyedari kepentingan dan keunggulan kitab ini para ulama sejak dahulu berlumba-lumba memberi khidmat dan sumbangan mereka kepada kitab ini. Antaranya melalui penghasilan kitab-kitab syarah hadith-hadith al-Bukhari, terjemahan perawi, kritikan sanad dan matan, dan seumpamanya. Sumbangan ulama terhadap kitab ini bukan sahaja terhad dalam bentuk tulisan tetapi juga melangkaui kepada aspek pengajaran. Justeru dalam artikel ini penulis akan membincangkan mengenai sumbangan dan khidmat ulama terhadap *Sahih al-Bukhari* di Malaysia terutamanya dari aspek pengajaran, penulisan dan penterjemahan.

PENGAJARAN SAHIH AL-BUKHARI DI MALAYSIA

Pengajaran dan pengajian hadith telah wujud di pusat-pusat pengajian di Nusantara walaupun kitab-kitab utama dalam bidang hadith seperti *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Dawud*, *Jami' al-Tirmidhi*, *Sunan al-Nasai* dan *Sunan Ibn Majah* tidak dipelajari. Keenam-enam kitab ini merupakan kitab-kitab yang mengandungi hadith-hadith berkualiti tinggi dari sudut status dan darjatnya. Menurut Martin Van Bruinessen antara kitab-kitab hadith yang diajar di pesantren-pesantren di Indonesia ialah *Hadis Empat Puluh* oleh Imam al-Nawawi (m.656H), *Bulugh al-Maram* oleh Ibn Hajar (m.852H), *Riyad al-Salihin* oleh Imam al-Nawawi (m.656H), *Durrat al-Nasihin* oleh 'Uthmān b. Ḥasan al-Khūbawī, *Tanqīh al-Qawl al-Hathīh fi Syarḥ Lubāb al-Hadīth* oleh Nawawi Banten, *Mukhtar al-Aḥādīth* oleh Ahmad Hasyimi dan 'Usfūriyyah oleh Muhammad bin Abu Bakr al-'Usfuri (Van Bruinessen ,1999). Manakala dalam bidang ilmu hadith *riwayah* pula kitab-kitab hadith yang dipelajari ialah *Baiquniyyah* oleh Taha bin Muhammad al-Fattuh al-Baiquni dan *Minhah al-Mughith* oleh Hafiz Hasan Mas'udi. Daripada fakta ini, jelas menunjukkan bahawa kitab-kitab kumpulan hadith sama ada *al-kutub al-sittah* ataupun beberapa kompilasi popular seperti *Masabih al-Sunnah* yang sangat popular di India tampaknya hampir tidak dipelajari di Nusantara.

Perkembangan pengajaran hadith di Tanah Melayu menyaksikan realiti yang sama. Namun kajian membuktikan terdapat beberapa kitab utama dalam bidang hadith telah dipelajari terutamanya pada kurun ke-20 antaranya *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*. Tok Khurasan misalnya dianggap sebagai pelopor dan penyumbang kepada perkembangan pengajaran hadith di Tanah Melayu terutamanya di Kelantan. Beliau ialah Abu 'Abdullah Sayyid Hasan bin Nur Hasan. Berasal daripada wilayah Khurasan di Republik Islam Iran dan kemudiannya berhijrah ke Afghanistan. Dilahirkan di Bhafar, Pakistan pada tahun 1875M/1292H dan berhijrah ke Kelantan pada tahun 1911M/1912M ketika usianya 37 tahun. Beliau dianggap sebagai tokoh

yang telah menyemarakkan pengajian hadith di Kelantan. Antara sumbangan beliau ialah memperkenalkan serta mengajar kitab-kitab hadith terutamanya *kutub al-sittah* di Kelantan. Beliau meninggal dunia pada hari Isnin 16/17 Ramadan 1363 bersamaan 4 September 1944. (Ismail , 2001).

Tokoh-tokoh ulama Tanah Melayu yang lain adalah seperti Hj Yaakub Gajah Mati (Ismail, 2001, hal. 602) Tuan Guru Pak Cu Him Gajah Mati (Ismail, 1996), Haji Awang Beta, (Ismail, 1996, hal. 257) dan Hj Saleh Pedada (Ismail, 1996, hal. 298). Kebanyakan daripada mereka mengajar *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Riyad al-Salihin* dan *Bulugh al-Maram*. Dapatan ini sekali gus membuktikan pengajian hadith di peringkat awal telah bermula seterusnya berkembang di Tanah Melayu melalui pengajian di pondok-pondok yang wujud pada waktu itu.

PENGAJIAN SAHIH AL-BUKHARI DI PONDOK

Dalam sistem pengajian pondok, pengajian hadith adalah salah satu daripada mata pelajaran yang diajar di samping pelajaran tafsir, fekah, tauhid, tasauf dan lain-lain. Antara kitab hadith yang menjadi bahan pengajaran di institusi pondok adalah seperti al-Kutub al-Sittah, Riyad al-Salihin, Bulugh al-Maram, al-Adhkar, Matan al-Arbain al-Nawawiyyah dan Matan al-Bayquniyyah. Berikut di bawah ini beberapa pondok di Malaysia yang menggunakan Sahih al-Bukhari sebagai bahan pengajaran.

Pusat Pengajian Pondok, Kandis, Bachok, Kelantan

Pusat Pengajian Pondok Kandis adalah merupakan salah satu pondok yang terkenal di Kelantan (Norharyati, 2001). Ia telah ditubuhkan pada tahun 1981. Didirikan di atas tanah seluas 56 ekar di sebuah perkampungan yang dikenali sebagai Kampung Kandis, Bachok, Kelantan. Pondok ini ditadbir sepenuhnya oleh Yayasan Islam Kelantan. Kuliah sulung pusat pengajian pondok ini telah bermula pada 11 Februari 1984.

Pusat ini pada peringkat awal dikenali sebagai *Pondok Moden* dan telah ditukar kepada Pusat Pengajian Pondok pada 4 September 1988. Namanya ditukar memandangkan pondok inilah satu-satunya pondok di Malaysia amnya dan di Kelantan khususnya yang mempunyai satu sistem yang teratur dan terancang dari segi pentadbiran, silibus pengajian dan kurikulum yang tersendiri berbanding dengan pondok-pondok lain yang terdapat di Kelantan di samping mengekalkan sistem pengajian pondok yang asal.

Silibus pengajian hadith di pondok ini merupakan silibus yang telah ditentukan oleh Yayasan Islam Kelantan dan menepati silibus pengajian di Universiti al-Azhar, Kaherah Mesir. Pengajian terbahagi kepada dua peringkat iaitu peringkat Thanawiyah dan peringkat ‘Aliyah. Pusat pengajian ini membahagikan pengajian ilmu hadith kepada tiga jenis, iaitu al-Hadith dan Mustalah al-Hadith untuk peringkat thanawiyah dan bagi peringkat ‘Aliyah pula, ditambah Ahadith al-Ahkam.

Peringkat Thanawiyah

Mata Pelajaran	Tahun Satu	Tahun Dua	Tahun Tiga
Al-Hadith	<i>Matn al-Arba 'in al-Nawawiyyah</i>	<i>Bulugh al-Maram</i> <i>Bab:</i> <i>Kitab al-Taharah</i> <i>Kitab al-Salah</i> <i>Kitab al-Janaiz</i> <i>Kitab al-Zakat</i> <i>Kitab al-Siyam</i>	<i>Bulugh al-Maram</i> <i>Bab:</i> <i>Kitab al-Haj</i> <i>Kitab al-Buyu'</i>
Mustalah	<i>Al-Bayquniyyah</i>	<i>Raf'u al-Astar</i>	<i>Raf'u al-Astar</i>

Mata Pelajaran	Tahun Empat	Tahun Lima	Tahun Enam
Al-Hadith	<i>Sunan al-Tirmidhi</i>	<i>Muwatta'</i>	<i>Sahih al-Bukhari</i>
Mustalah al-Hadith	<i>Raf'u al-Astar.</i> <i>Usul al-Hadith</i> <i>Ulumuh wa Mustalahuh</i>	<i>Raf'u al-Astar.</i> <i>Usul al-Hadith</i> <i>Ulumuh wa Mustalahuh</i>	<i>Al-Mawdu'i</i>
Ahadith al-Ahkam	<i>Bulugh al-Maram</i> <i>Bab:</i> <i>Kitab al-Nikah</i> <i>Kitab al-Jinayah</i> <i>Kitab al-Hudud</i> <i>Subul al-Salam</i>	<i>Bulugh al-Maram</i> <i>Bab:</i> <i>Kitab al-At'imah</i> <i>Kitab al-Iman</i> <i>Kitab al-Qada'</i> <i>Kitab al-'Itq</i> <i>Kitab al-Jami'</i> <i>Subul al-Salam</i>	<i>Bulugh al-Maram</i> <i>Subul al-Salam</i>

Jadual 1 Buku Panduan Pusat Pengajian Pondok, Kandis, Bachok, Kelantan.

Berdasarkan Jadual 1 jelas menunjukkan pelajar-pelajar di pondok ini mempelajari Sahih al-Bukhari pada tahun keenam pengajian mereka. Selain daripada kitab-kitab tersebut di atas, kitab-kitab lain juga turut digunakan sebagai rujukan seperti:

1. *Fath al-Bari bi Sharh al-Bukhari* oleh Ibn Hajar al-'Asqalani.
2. *'Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari* oleh Badr al-Din al-'Ayn.
3. *Irshad al-Sari Li Sharh Sahih al-Bukhari* oleh Ibn Abbas Shihab al-Din Ahmad bin Muhammad al-'Asqalani.
4. *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrib al-Nawawi* oleh al-Suyuti.
5. *Fiqh al-Imam al-Bukhari* karangan Dr Abd al-Khadir Abu Faris.
6. *Fiqh al-Sunnah* karangan Sayyid Sabiq.
7. *Al-Ba'ith al-Hathith, Sharh al-Ikhtisar Ulum al-Hadith* oleh Ibn Kathir.

8. *Al-Sunnah wa Makanatuha fi Tashri' al-Islami* oleh Shaykh Mustaffa al-Siba'i.
9. *Al-'Arf al-Shadhi* oleh Anwar Shah al-Kashmiri.
10. *Al-Taqrirat li al-Tirmidhi* oleh al-Sayyid Ali bin Sayyid al-Jamawi al-Maghribi.
11. *Tuhfah al-Ahwadhi li Sharh al-Jami al-Tirmidhi* oleh al-Mubarakfuri.
12. *Awjazu al-Masalik ila Muwatta' Malik* oleh Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi.

Pondok Al-Madrasah Al-Latifiyyah

Pondok al-Madrasah al-Latifiyyah terletak di Kampung Kuak Hulu, Pengkalan Hulu, Perak. Pondok pengajian ini lebih dikenali dengan nama Pondok Pak Teh dalam kalangan masyarakat di Perak. Ia merupakan pondok yang masih aktif beroperasi dalam memberikan khidmat kepada masyarakat umum (Suhaimi, 2008).

Pondok ini telah diasaskan oleh Dato' Haji Abd Latif bin Haji Abd Rahman atau lebih mesra dipanggil sebagai Pak Teh, sebaik sahaja kembali ke kampung halaman beliau pada tahun 1957, iaitu setelah menamatkan pengajian beliau di Pondok al-Madrasah al-Diniyyah al-Bakriyyah, Pasir Tumboh, Kota Bharu, Kelantan.

Pengajian ilmu hadith terutamanya yang melibatkan kitab-kitab yang menjadi sumber utama di dalam periyawatan hadith diajar dengan begitu meluas di pondok ini. Kitab-kitab utama hadith diajar secara menyeluruh agar para penuntutnya mengetahui secara mendalam mengenai hadith dan periyawatannya. Antara kitab-kitab tersebut adalah:

1. *Sahih al-Bukhari*
2. *Sahih Muslim*
3. *Sunan Abi Dawud*
4. *Al-Jami' al-Tirmidhi*
5. *Sunan al-Nasa'i*
6. *Muwatta' al-Imam al-Malik*
7. *Jawahir al-Bukhari*
8. *Mukhtasar Ibn Abi Jamrah*
9. *Matn al-Arba'in al-Nawawiyyah*
10. *Riyad al-Salihin*
11. *Al-Adhkar al-Nawawiyyah*
12. *Durrah al-Nasihin*

Manakala kitab-kitab hadith riwayah pula yang berkaitan dengan disiplin ilmu hadith atau mustalah al-hadith adalah seperti:

1. *Al-Manzumah al-Bayquniyyah*
2. *Sharh al-Bayquniyyah*

Setiap kitab tersebut akan dipelajari sehingga tamat. Masa untuk menamatkan sesebuah kitab bergantung kepada ketebalannya. Contohnya *Sahih al-Bukhari* mengambil masa selama 15 tahun, *Sahih Muslim* (10 tahun), *Sunan Abi Dawud* (5 tahun), *Jawahir al-Bukhari* dan *Bulugh al-Maram* (1 tahun).

Oleh itu, tidak hairanlah ada dalam kalangan penuntut yang belajar sehingga puluhan tahun untuk menamatkan pengajian mereka, malah sebahagian daripada mereka dilantik menjadi ketua mutala'ah bagi tujuan mengajar penuntut yang baru.

Pondok Lubuk Tapah

Pondok Lubuk Tapah adalah sebuah nama yang sangat dikenali dalam kalangan masyarakat negeri Kelantan Darul Naim dan kawasan-kawasan sekitarnya termasuk selatan Thailand dan Patani. Ia merupakan sebuah institusi pondok tertua dan terbesar di Kelantan selepas Pondok Pasir Tumbuh dan Pondok Sungai Durian (Epondok, 2008). Pondok Lubuk Tapah pada asalnya dikenali sebagai Madrasah al-Rahmaniyyah al-Diniyah.

Bermula pada tahun 1932, pondok Lubuk Tapah telah diasaskan oleh Haji Abdul Rahman bin Haji Che Wan (1902-1989) dengan kerjasama dari besannya iaitu Haji Abdul Rahman bin Haji Ngah. Ekoran dari pertambahan pelajar yang amat pesat, Haji Abdul Rahman telah memikirkan satu inisiatif baru dan membina sebuah masjid yang akhirnya dikenali dengan nama Masjid al-Rahmaniyyah. Ia kemudiannya menjadi sebuah tempat pengajian hadith dan ilmu agama.

Kejayaan penubuhan pondok Lubuk Tapah telah menjadi asas kepada lahirnya pondok-pondok lain yang telah diasaskan pula oleh para pelajar pondok ini. Antaranya ialah pondok Kampung Perah dan pondok Kampung Jabo. Malah, ada antara bekas pelajarnya yang pernah dan kini memegang jawatan penting dan tinggi di dalam institusi-institusi agama yang terdapat di seluruh negara.

Selepas kematian Haji Abdul Rahman bin Che Wan, pentadbiran pondok Lubuk Tapah diambil alih oleh anaknya iaitu Tuan Guru Haji Abdullah bin Haji Abdul Rahman. Beliau juga turut dibantu oleh anak-anaknya yang menjadi timbalannya selaku mudir di pondok ini. Malah bekas-bekas pelajarnya juga ramai yang menawarkan khidmat menjadi tenaga pengajar di pondok ini.

Pada 19 Mac 2008, mudir pondok Lubuk Tapah iaitu Tuan Haji Abdullah bin Abdul Rahman atau lebih dikenali sebagai Tok Guru Haji Lah Lubuk Tapah pula meninggal dunia.

Pada asasnya, pondok Lubuk Tapah memberikan pengajian Islam secara menyeluruh kepada para pelajarnya. Sistem pengajian di pondok ini dibahagikan kepada empat tahap iaitu tahap satu, tahap dua, tahap tiga dan tahap empat. Setiap tahap tersebut mempunyai skop bidang pengajian yang hampir sama tetapi menggunakan buku atau sukanan yang berbeza. Penentuan kemasukan ke setiap tahap adalah bergantung kepada kemampuan para pelajarnya.

Bagi sukanan hadith untuk tahap satu, pihak pentadbiran pondok telah menggunakan kitab *Sunan Abi Daud* karangan Abu Daud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sajistani dan juga *Matan al-Arba'in al-Nawawiyyah* karangan Imam Nawawi sendiri. Begitu juga dengan tahap dua dan tahap tiga, sukanannya adalah kitab *Sunan Abi Daud* akan tetapi

kitab keduanya pula ialah kitab *Jauhar Mawhub* yang dikarang oleh Syeikh ‘Ali bin ‘Abdul Rahman al-Kalantani. Bagi para pelajar di tahap empat pula, sukanan yang digunakan adalah dari buku *Sunan Abi Daud*, dan juga sebuah kitab Mustalah Hadith yang ditulis oleh Hassan Muhammad al-Masyat dengan tajuknya *Raf al-Astar*.

Selain dari kitab-kitab yang disenaraikan di atas, pondok Lubuk Tapah juga menggunakan kitab-kitab hadith yang lain seperti *Jawahir al-Bukhari*, *Bulugh al-Maram*, *Riyad al-Salihin*, *Durrah al-Nasihin*, *Majalis al-Saniyah*, *Sharh Matn al-Bayquniyyah*, dan *Dalil al-Falihin* (Ahmad Hj. Hassan, 2005)

Pengajian Sahih al-Bukhari di Madrasah

Sistem pengajian pondok yang merupakan sistem pembelajaran utama di Tanah Melayu kemudiannya berkembang sebagai sebuah sistem pembelajaran yang lebih formal dalam bentuk madrasah dan sekolah. Pembelajaran di peringkat madrasah lebih tersusun dan sistematik berbanding dengan apa yang ditawarkan dalam sistem pondok. Antara madrasah yang menawarkan pengajian Sahih al-Bukhari ialah seperti berikut:

Madrasah Miftah al-‘Ulum Bandar Baru Seri Petaling

Madrasah Miftah al-‘Ulum Bandar Baru Seri Petaling Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada 1 Jun 1995. Bermula dengan kelas Tahfiz, kemudiannya berkembang dengan penubuhan kelas Alim pada 1 Januari 1996. Metode pengajian yang diaplikasikan di madrasah ini hampir menyerupai metode pengajian di India dan Pakistan. Ini disokong lagi dengan fakta majoriti tenaga pengajarnya adalah lepasan daripada Pakistan dan India.

Bermula pada tahun ketujuh pelajar akan diperkenalkan dengan kutub al-Sittah yang terdiri daripada *Sahih Al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Dawud*, *Sunan al-Tirmidhi* dan *Sunan al-Nasai*. Pendedahan pelajar kepada Kutub al-Sittah bukanlah suatu yang sukar kepada mereka kerana sebelum ini mereka telah diperkenalkan dan dibiasakan dengan kitab besar dalam bidang hadith seperti *Riyad al-Salihin*, *Bulugh al-Maram* dan *Misykat al-Masabih*.

Pusat Pengajian al-Quran Darul Kauthar (PPADK)

Pusat Pengajian al-Quran Darul Kauthar (PPADK) telah diasaskan pada tahun 1986 oleh Maulana Muhammad Asri Yusof. Pusat Pengajian al-Quran Darul Kauthar merupakan sebuah pusat pengajian menghafaz al-Quran serta pengajian ilmu-ilmu Islam dan Bahasa Arab. Salah satu objektif penubuhan madrasah ini ialah memelihara sistem pengajian hadith (*dawrah al-hadith*) yang telah dilaksanakan dengan jayanya di pusat-pusat pengajian hadis di benua kecil India.

Di madrasah ini pelajar akan mengikuti pengajian mereka selama tujuh tahun dan pada tahun kelapan mereka akan mengikuti *dawrah al-hadith* yang dipanggil Sayahadah Takmilah dan Sanad hadith al-Kautsriyyah. Madrasah yang menggunakan metode Deoband dan ahli hadith ini telah melahirkan dua generasi yang telah tamat pengajian Dawrah al-hadith iaitu seramai lebih kurang lima belas orang pelajar. Di

Dawrah al-hadith inilah pelajar-pelajar mempelajari *Sahih Al-Bukhari* selain kitab-kitab hadith yang lain seperti *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Dawud*, *Sunan al-Tirmidhi*, *Sunan al-Nasai* dan *Sunan Ibn Majah*.

Sistem pengajian di madrasah ini tidak jauh bezanya dengan sistem yang diamalkan di madrasah Miftah al-‘Ulum. Namun terdapat kelainan, antaranya pengekalan beberapa kitab hadith mazhab Hanafi seperti kitab *Syarh Ma’ani al-Athar* oleh Al-Tahawi. Ini bertujuan supaya pelajar dapat membuat perbandingan dengan fiqh-fiqh dalam mazhab lain.

Madrasah al-Quran Kubang Bujuk

Madrasah al-Quran Kubang Bujuk Serada Kuala Terengganu merupakan sebuah pusat pengajian tahliz al-Quran yang dikendalikan secara persendirian. Madrasah ini merupakan pusat pengajian tahliz swasta yang kedua tertua di negara ini selepas Raudatul Tahliz al-Quran yang kemudiannya dikenali dengan Maahad Tahliz Quran wa al-Qiraat yang terletak di Pusat Dakwah Islamiah Jeram Selangor. Madrasah al-Quran yang lebih dikenali dengan nama Madrasah al-Quran Kubang Bujok ini telah diasaskan oleh Tuan Haji Muda bin Haji Deraman pada 1 Oktober 1982 di Kubang Bujok Serada Kuala Terengganu.

Penubuhan Madrasah al-Quran Kubang Bujuk adalah hasil cetusan daripada ijtimak (perhimpunan) tabligh dunia yang diadakan di Padang Hiliran pada bulan November/Disember 1982. Sehingga kini madrasah ini telah melahirkan lebih dua ribu para huffaz al-Quran sejak ia ditubuhkan 23 tahun yang lalu (Abdul Hafidz et al; 2005).

Sebagaimana sistem pengajian yang diaplikasikan di madrasah-madrasah lain, madrasah ini juga mempunyai dua sistem pengajian iaitu kelas hafiz dan kelas alim. Pelajar-pelajar yang telah tamat pengajian di kelas hafiz boleh menyambung pengajian mereka di kelas Alim. Tempoh pengajian bagi kelas alim ini adalah selama 8 tahun dengan satu tahun diperuntukkan untuk *Dawrah al-Hadith*. Dalam program inilah pelajar-pelajar akan mempelajari *Sahih al-Bukhari* sebagaimana madrasah-madrasah lain yang menggunakan metode yang sama.

Darul al-‘Ulum li Ihya’ Ulum al-Din di Langgar Kedah

Madrasah Darul al-‘Ulum li Ihya’ Ulum al-Din di Langgar, Kedah mula ditubuhkan pada tahun 1993 oleh Ustaz Muhammad bin Abdul Qadir al-Qadahi al-Nadawi yang juga berkelulusan daripada Darul ‘Ulum Nadwah al-‘Ulama’ Lucknow India. Sejak penubuhannya sehingga kini ia mempunyai seramai lebih kurang 130 orang pelajar. Pengajian di Dar al-‘Ulum ini banyak menumpukan kepada peningkatan dan penguasaan bahasa Arab melalui penulisan, bacaan dan penyampaian. Pelajar-pelajar akan mempelajari lima buah kitab pada tiga tahun pertama di madrasah ini, iaitu dua kitab nahu, satu kitab fiqh, satu kitab tawhid dan satu kitab saraf. Selepas mempelajari lima buah kitab ini pelajar-pelajar diberi galakan dan dorongan untuk menghafaz 1000 buah hadith selama empat tahun. Mereka diberi pilihan untuk menghafaz mana-mana hadith yang dikehendaki. Manakala para pengajar pula akan sentiasa mentasmi’ hafazan

para pelajar tersebut. Galakan pihak madrasah kepada para pelajar untuk menghafaz 1000 buah hadith merupakan suatu usaha yang sangat baik ke arah melahirkan ulama huffaz dalam bidang hadith di Malaysia. Antara kitab-kitab hadith yang dipelajari di Dar al-‘Ulum ini ialah seperti berikut:

Jadual 2 Buku Panduan Silibus Pengajian Darul al-‘Ulum li Ihya’ Ulum al-Din.

Bil	Tahun	Kitab Yang Dipelajari
1	1	<i>Matan al-Arba ‘in</i>
2	2	<i>Jawahir al-Bukhari</i>
3	3	<i>Riyad al-Salihin (Abwab al-Adab)</i>
4	4	<i>Riyad al-Salihin (Abwab al-Adab)</i>
5	5	<i>Bulugh al-Maram</i>
6	6	<i>Bulugh al-Maram</i>
7	7	<i>Misykat al-Masabih</i>
8	8	<i>Daurah al-hadith</i>

Jadual 2 jelas menunjukkan bahawa pelajar di madrasah ini telah didedahkan dengan hadith-hadith al-Bukhari melalui kitab *Jawahir al-Bukhari* yang dipelajari pada tahun dua seterusnya *Sahih al-Bukhari* di peringkat *Dawrah al-hadith*.

Pengajian *Sahih Al-Bukhari* di Masjid dan Surau

Berikut adalah pengajian *Sahih al-Bukhari* yang pernah dan sedang dijalankan di beberapa masjid di Malaysia.

- a. Pengajian *Sahih al-Bukhari* oleh Dr Abdul Hayei bin Sukor. Kuliah ini diadakan di Masjid Tun Abdul Aziz, Petaling Jaya, Masjid Saidina Umar al-Khattab, Bukit Damansara dan Masjid Abu Bakar al-Siddiq, Bangsar. Pengajaran *Sahih al-Bukhari* beliau di Masjid Saidina Omar Bukit Damansara telah berjalan selama 25 tahun. Sehingga kini pengajaran yang berjalan setiap minggu itu telah sampai kepada perbincangan hadith-hadith dalam Kitab Muzara ‘ah. Pengajaran *Sahih al-Bukhari* beliau di Masjid Tun Abdul Aziz Petaling Jaya pula berjalan pada setiap Jumaat iaitu pada minggu kedua, ketiga dan keempat. Sehingga kini pengajaran di masjid tersebut telah membincangkan hadith-hadith dalam *Kitab Buyu’*.
- b. Pengajian *Sahih al-Bukhari* oleh Maulana Asri Yusuf. Kuliah *Sahih al-Bukhari* ini diadakan di Masjid al-Muhammadi Kota Bharu Kelantan sejak dari tahun 1993 lagi.
- c. Pengajian *Sahih al-Bukhari* oleh Dr Mohd Asri Zainul Abidin. Kuliah *Sahih al-Bukhari*. Siri kuliah ini diadakan di Masjid Sultan Abd Aziz Kawasan Melayu, Petaling Jaya, Selangor iaitu sebelum beliau dilantik memegang jawatan mufti kerajaan Perlis Darussunnah.

- d. Pengajian *Sahih al-Bukhari* oleh Prof Dr Abu Layth al-Khayr Abadi. Kuliah ini diadakan pada setiap hari Isnin dan Selasa selepas asar di Masjid Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- e. Pengajian *Sahih al-Bukhari* oleh Ustaz Mohd. Zain Noh yang diadakan di Surau Taman Melewar, Gombak, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.
- f. Pengajian *Sahih al-Bukhari* oleh Dr Nur Abdi Gudle yang diadakan di Masjid al-Azhar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kuliah yang diadakan selepas waktu zohor setiap hari Selasa dan Khamis telah berjalan sejak dari tahun 2007 lagi. Sehingga kini pembelajaran kitab ini di masjid tersebut telah membincangkan hadis-hadis dalam kitab Tahajjud.

Pengajian *Sahih al-Bukhari* bagi Orang Awam

Pusat Khidmat Sosial Islam (PAKSI) merupakan salah satu pusat pengajian awam yang menawarkan pengajian *Sahih al-Bukhari* (temu bual dengan Cikgu Sukarno, 10 Disember 2007). PAKSI yang berpusat di Kedah telah diasaskan oleh al-Marhum Ustaz Hj. Suhaimi Ahmad yang juga merupakan lepasan Darul 'Ulum Deoband. Antara objektif penubuhan pusat ini ialah untuk menghidupkan pengajian hadith dan memberi kefahaman hadith kepada masyarakat Islam dan pengajian hadith yang ditawarkan oleh pusat ini dijalankan secara percuma. Bayaran kepada tenaga pengajar adalah melalui kutipan derma daripada orang ramai. Kelas-kelas pengajian hadith di Alor Star ini diadakan di beberapa tempat antaranya di Pusat Tuisyen Specialist, Dewan Bangunan Serbaneka dan Menara Zakat di Alor Star, Kedah. Bilangan penuntut juga mencecah 500 hingga 600 orang. Kelas pengajian dijalankan pada waktu pagi iaitu bermula jam 9.00 hingga 11.00 pagi. Antara tenaga-tenaga pengajar bagi kelas pengajian hadith ini adalah seperti berikut:

Jadual 3 Tenaga Pengajar dan Kitab yang digunakan di PAKSI.

Bil	Tenaga Pengajar	Kitab Yang Diajar
1	Datuk Syeikh Badaruddin Hj Ahmad	<i>Sahih al-Bukhari</i>
2	Ustaz Ahmad Fahmi Zam Zam	<i>Sahih Muslim</i> (selesai selama 13 tahun bermula tahun 1993-2006)
3	Dr Abdul Aziz Hanafi	Sirah
4	Ustaz Ahmad Abdullah	<i>Sahih al-Bukhari</i> (Mukhtasar Abi Jamrah)
5	Ustaz Zainal Asri Hj Ramli	<i>Sunan al-Tirmidhi</i>
6	Ustaz Rosli	<i>Syamail Muhammadiyah & Manzumah al-Bayquniyyah</i>

Berdasarkan kepada senarai kitab-kitab yang dipelajari jelas membuktikan bahawa masyarakat Islam di Kedah telah didedahkan dengan *Sahih al-Bukhari* yang disampaikan oleh Datuk Syeikh Badaruddin Hj Ahmad dan *Mukhtasar Abi Jamrah* oleh Ustaz Ahmad Abdullah. Apa yang menarik, pengajian *Sahih Muslim* oleh Ustaz Ahmad Fahmi Zam Zam telah berjaya diselesaikan selama tiga belas tahun.

PENULISAN DAN PENTERJEMAHAN BERKAITAN SAHIH AL-BUKHARI DI MALAYSIA

Dominasi karya-karya penulisan dalam bidang tauhid, fiqh dan tasawuf di Nusantara pada kurun ke 19 dan 20 tidak menghalang hadith-hadith nabi untuk berkembang dan tersebar sesuai dengan kedudukannya sebagai sumber kedua perundangan Islam. Hadith-hadith nabi tetap menjadi sumber penghujahan dan pendalilan utama dalam kebanyakan karya penulisan walaupun karya-karya tersebut tidak dikategorikan dalam bidang hadis. Malahan hampir tiada karya penulisan pun dalam bidang pengajian Islam yang tidak didukung dengan argumen-argumen berdasarkan hadith. (Van Bruinessen 1999: 135).

Perkembangan penulisan dalam bidang hadith pada kurun ke 19 dan awal 20-an agak perlahan berbanding penulisan dalam bidang-bidang pengajian Islam yang lain. Kelesuan pengajian hadith bukan sahaja berlaku di Nusantara tetapi di hampir keseluruhan dunia Islam. Syeikh Ahmad Muhammad Syakir, seorang tokoh hadith Mesir (m. 1958 M) pernah mencatatkan seperti berikut:

“Adapun di zaman kita ini, orang telah pun meninggalkan sama sekali periyawatan hadith secara total, setelah itu mereka meninggalkan pula penumpuan terhadap hadis-hadith kecuali segelintir nadir sahaja daripada mereka. Begitu sedikit sekali untuk anda lihat dari kalangan mereka orang yang ahli untuk menjadi penuntut ilmu-ilmu al-Sunnah, dan amat jauh sekali untuk anda dapati orang yang layak untuk menjadi seorang *al-muhaddith* (ahli hadith). Adapun darjat al-hafiz, ia sudah pun terputus jejaknya dan telah ditutup oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-‘Asqalani r.h.m (m. 852 H). Kemudian al-Sakhawi (m. 902 H) dan al-Suyuti (m. 911 H) pula telah hampir untuk muncul menjadi al-hafiz, dan kemudian tidak ada seorang pun yang muncul sesudah mereka berdua itu”.

Ahmad Muhammad Syahir. (1994: 152)

Kajian awal mengenai perkembangan penulisan kitab-kitab jawi dalam bidang hadith telah diusahakan oleh Wan Mohd Shaghir dalam kertas kerjanya berjudul “Perkembangan Penulisan Hadis Ulama Asia Tenggara”. Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Pengajian Islam di Asia Tenggara di Universiti Brunei Darul al-Salam yang berlangsung pada 20 hingga 23 November 1995. Dalam pembentangan tersebut beliau telah menyenaraikan kitab-kitab jawi karya ulama Nusantara yang dikategorikan sebagai kitab-kitab hadith. Namun demikian tidak dapat dipastikan apakah asas utama atau rujukan yang beliaujadikan panduan ketika mengklasifikasikan kitab-kitab tersebut sebagai kitab hadith. Antara ciri-ciri dan

kriteria sesebuah kitab hadith ialah kandungannya yang menekankan mengenai ilmu hadis *riwayah* dan ilmu hadith *dirayah* walaupun perbahasannya dalam bidang yang pelbagai seperti akidah, tafsir, adab, sejarah dan sebagainya. Antara rujukan yang boleh dijadikan panduan dalam menentukan ciri-ciri sesebuah kitab hadith ialah kitab *al-Risalah al-Mustatrifah* oleh Sayyid Muhammad Ja‘far al-Kattani dan kitab *Dalil Muallafat al-Hadith al-Syarif al-Matbu‘ah al-Qadimah wa al-Hadithah* oleh Muhy al-Din ‘Atiyyah, Salah al-Din Hafni dan Muhammad Khayr Ramadan Yusuf. Berikut disenaraikan kitab-kitab jawi yang berkaitan dengan *Sahih al-Bukhari* karya penulisan ulama Tanah Melayu/Malaysia.

Kitab *Idangan Guru Sahih al-Bukhari Wa al-Muslim* oleh Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi

Kitab karangan Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi ini mengandungi terjemahan dan ulasan kepada hadith-hadith yang dipilih daripada kitab *Sahih Bukhari* dan *Muslim* yang beliau namakan dengan Kitab *Idangan Guru Sahih al-Bukhari wa al-Muslim*. Kitab yang menggunakan pendekatan soal jawab antara guru dan murid menjadikan beberapa kitab syarah hadith sebagai rujukan antaranya ‘Umdah al-Qari’ oleh al-‘Aini (m.855H), *Fath al-Bari* oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani (m.852H), *Bahjat al-Nufus* oleh al-Imam Abu ‘Abdillah Muhammad bin Abu Jamrah dan *Syarah Sahih Muslim* oleh Imam al-Nawawi (Al-Marbawi, 1934).

Kitab ini mengandungi dua jilid dan siap ditulis pada awal Rabi’ al-Thani 1358H. Jilid pertama kitab ini mengandungi 216 halaman manakala jilid yang kedua sebanyak 160 halaman. Terdapat 41 buah hadith yang telah dipilih oleh Syeikh Muhammad Idris untuk dihuraikan di dalam dua jilid kitabnya ini. Sembilan buah hadith diletakkan di dalam jilid yang pertama manakala 32 buah hadith diletakkan di dalam jilid yang kedua. Ia tidak termasuk hadith-hadith mu’allaq dan selainnya yang diletakkan oleh Imam al-Bukhari dalam penamaan bab di dalam sahinya.

Daripada 41 buah hadith yang diriwayatkan oleh beliau, 19 buah hadith merupakan hadith-hadith yang disepakati oleh Imam al-Bukhari dan Muslim, 15 buah hadith yang diriwayatkan secara bersendiri oleh Imam al-Bukhari dan tujuh buah hadith yang diriwayatkan secara bersendiri oleh Imam Muslim (Anwar, 2006).

Kitab *Jawahir al-Bukhari* oleh Abu Bakar al-Ash’ari

Kitab *Jawahir al-Bukhari* yang dikarang oleh Abu Bakar al-Ash’ari merupakan sebuah kitab terjemahan daripada kitab *Jawahir al-Bukhari wa Sharh al-Qistillani* yang dikarang oleh Mustafa Muhammad ‘Imarah. Nama sebenar beliau adalah Ahmad bin Muhammad bin Abi Bakar bin ‘Abd al-Malik bin Ahmad bin Muhammad bin Husayn bin Ali al-Qistillani al-Qahiri al-Syafi‘i. Beliau lahir pada 22 Zulkaedah 851H dan meninggal dunia pada tahun 923H.

Kitab *Jawahir al-Bukhari* merupakan sebuah kitab yang menghimpunkan beberapa hadis terpilih daripada Kitab *Sahih al-Bukhari* iaitu sebanyak 700 hadith (Imarah,t.t.). Hadith-hadith tersebut diulas dan disyarahkan oleh Mustafa Muhammad Imarah mengikut syaranan yang dilakukan oleh al-Qistillani secara ringkas. Berpandukan

kepada kitab ini, Al-Ash‘ari (1954) menghasilkan kitab *Jawahir al-Bukhari* Bahasa Melayu dengan menterjemahkan kitab tersebut beserta huraiyan yang dilakukan oleh beliau sendiri. Kitab ini diterbitkan pada tahun 1954 oleh Persama Press, Pulau Pinang sebanyak tiga jilid. Jilid pertama dan kedua dicetak pada tahun 1954. Manakala, jilid ketiga dicetak pada tahun 1956.

Al-Ash‘ari memuatkan hadith-hadith yang disusun berdasarkan tajuk yang terdapat di dalam *Jawahir al-Bukhari* karangan Al-Qistillani. Bilangan hadith dan tajuk adalah sama susunannya dengan kitab *Jawahir al-Bukhari*. Namun begitu, Abu Bakar al-Ash‘ari tidak sempat menterjemah dan mensyarahkan kesemua hadith yang terdapat di dalam kitab *Jawahir al-Bukhari*.

Beliau hanya sempat menterjemah dan mensyarahkan 131 hadith daripada bilangan keseluruhan hadith, iaitu 700 hadith. Dalam jilid pertama, beliau menterjemah dan mensyarahkan 35 teks hadith. Dalam jilid kedua pula, daripada hadith 36 hingga 114. Manakala, dalam jilid ketiga, beliau sempat menterjemah dan mensyarahkannya sehingga hadith ke-131.

Susunan terjemahan dan syarah kitab ini dimulakan dengan meletakkan bab diikuti dengan hadith-hadith yang berkaitan dengan bab tersebut dan diterjemahkan. Seterusnya beliau akan mensyarahkan hadith-hadith tersebut. Syaranan yang dibuat adalah berdasarkan maksud *Ijimali* bagi hadith tersebut. Kadang-kadang beliau mensyarahkan beberapa hadith sekali gus yang mempunyai maksud yang sama.

***Ilham al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari* Oleh Ustaz Abdul Halim Hadi (m.1981)**

Kitab *Ilham al-Bari Sharh Sahih Al-Bukhari* dikarang oleh Ustaz Abdul Halim Hadi (1949) mengandungi syaranan hadith yang terdapat dalam *Sahih al-Bukhari* yang dimulakan dengan kitab *Bad’ al-Wahyi* sehingga *Bab Ma Ja’ a fi Qatil al-Nafs* dalam kitab *al-Janaiz* yang keseluruhannya berjumlah dua puluh tiga (23) buah kitab. Kitab yang terdiri daripada sepuluh (10) juzuk dengan tujuh ratus enam belas (716) bab serta seribu lima puluh lapan (1058) halaman ini telah diterbitkan oleh Persama Press Pulau Pinang pada tahun 1949.

Terjemahan *Mukhtasar Ibn Abi Jamrah*: Oleh Mustafa Abdul Rahman

Kitab ini merupakan terjemahan dari kitab asal yang telah ditulis oleh Syaikh Abu Muhammad ‘Abd Allah bin Sa’ad bin Abi Jamrah al-Azdi. Kitab ini diterjemahkan secara bebas, diuraikan secara ringkas dan disusun ke dalam bahasa Melayu oleh Mustafa & Ibn Al Rawi (1968). Hadith-hadith yang terdapat dalam kitab ini berjumlah 294 hadith. Setiap hadith diterjemahkan dan disertakan huraiyan dan penjelasannya sekali. Penjelasan mengenai tiap-tiap hadith bersumber kepada kitab-kitab hadith, terutama huraiyan ringkasan oleh Sheikh Muhammad bin Ali al-Shafi’i al-Shanwani (m. 1233H) mantan Rektor, Universiti al-Azhar di Mesir. Kitab ini mengandungi 536 halaman yang bercetak. Kitab ini dicetak buat pertama kalinya pada 12 Rabiul Awal 1388H bersamaan 8 Jun 1968 Masihi oleh Syarikat United Press yang terletak di Pulau Pinang. Manakala penerbitnya ialah Maktabah Hj. ‘Abdullah b. Muhammad Nordin al-Rawi.

Kitab ini mengandungi hadith-hadith sahih yang membincangkan semua aspek kehidupan manusia. Ia mengandungi petunjuk dan pengajaran kepada manusia yang mencakupi soal iman, ibadat, hukum hakam, balasan syurga, azab neraka dan banyak lagi.

Terjemahan *Sahih al-Bukhari* oleh JAKIM

Inisiatif penerbitan Kitab Terjemahan *Sahih Al-Bukhari* pada asalnya dimulakan oleh Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM, 1986) dengan penerbitan jilid pertamanya pada tahun 1986M/1406H. Cetakan pertama ini telah dicetak oleh Syarikat Dian Darul Naim Sdn. Bhd. Kota Bharu, Kelantan. Antara tujuan pihak YADIM mengusahakan terjemahan ini adalah untuk meningkatkan kefahaman masyarakat tentang Islam.

Penterjemahan jilid 1 kitab ini bermula dari awal kitab *Sahih al-Bukhari* hingga *Kitab al-Tayammum*. Antara ahli panel yang terlibat di dalam terjemahan ini ialah:

1. Dr Saudi Hj Junid
2. Prof Madya Dr Hj Khairuddin Mohamad
3. Prof Madya Dr Osman Khalid
4. Ustaz Abd Wahab Ahmad
5. Ustaz Zubir Hj Che Mat
6. Ustaz Abdullah Hj Umar
7. Ustaz Mohd Zahir Osman
8. Ustaz Ismail bin Arifin
9. Ustaz Mohd Yusuf Abbas
10. Ustaz Abd Qadir Hasan

Penerbitan kitab ini seterusnya disambung oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) setelah diberi hakcipta oleh YADIM untuk penerbitan jilid satu hingga seterusnya. Sehingga kini, pihak JAKIM telah menerbitkan 7 jilid dan sedang dalam usaha untuk menerbitkan jilid yang kelapan.

Ahli panel penterjemahan yang terlibat adalah ahli akademik dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Mereka terdiri daripada:

1. Prof Madya Dr Abdul Shukor Husain
2. Prof Madya Dr Udah@Budah Mohsin
3. Mohd Nafiah Abdullah
4. Ismail Mohamad
5. Mohd Zahir Uthman
6. Mohd Jamali bin Awang Lerai

***Tadhkir Qabail Al-Qadi Fi Tarjamah Al-Bukhari* oleh Hj Husain Mohd Nasir al-Mas‘udi**

Karya ini dikarang oleh Hj Husain Mohd Nasir al-Mas‘udi yang juga dikenali dengan Tuan Husain Kedah (m.1935M). Kitab ini merupakan terjemahan daripada kitab

Jawahir al-Bukhari wa Syarh al-Qastalani oleh ulama Mesir moden iaitu Syeikh al-'Allamah Mustafa Muhammad 'Imarah al-Misriyah. Kitab ini pernah diterbitkan oleh al-Maktabah al-Zainiyyah, Taiping pada 1350H bersamaan 1930M (Ismail, 2001).

Disertasi dan Tesis Berkaitan *Sahih Al-Bukhari*

Peranan Institusi Pengajian Tinggi Awam turut merancakkan lagi perkembangan penulisan hadith di Malaysia. Melalui disertasi dan tesis yang dihasilkan oleh pelajar di peringkat sarjana dan doktor falsafah, secara tidak langsung menambahkan koleksi penulisan dalam bidang hadith. Antara kajian berkaitan *Sahih al-Bukhari* yang pernah dihasilkan di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia ialah seperti yang berikut:

1. "Penelitian Terhadap Kontribusi Imam al-Bukhari dalam Bidang Hadith dengan Memusatkan Perhatian Kepada Kitab *Al-Jami 'Al-Sahih*" oleh Engku Ibrahim bin Engku Ismail, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya pada tahun 1974
2. "Manhaj Imam al-Bukhari dalam Akidah: Satu kajian Terhadap *Kitab al-Tawhid* dalam *al-Jami‘ al-Sahih*" oleh Muhamad Sharifuddin bin Noh, Universiti Malaya pada tahun 2003.
3. "Kitab *Idangan Guru Sahih al-Bukhari wa Muslim* karangan Idris al-Marbawi: Kajian Metodologi Penghuraian Hadith" oleh Anwar Ridwan Zakaria, Universiti Malaya pada tahun 2007.
4. "*Taqsim Al-Sunnah ila Tasyriiyah wa Ghayr Al-Tasyriiyah Ahadith Al-Tibb min Sahih Al-Bukhari Namuzajan*" oleh Chirinov Moukhiddin, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 2003.
5. "Reward And Punishment in *Sahih al-Bukhari*: Thematic Study" oleh Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 2007.
6. "Analisis Hadith-Hadith Syarikah dalam *al-Sahihayn*" oleh Mohd Murshidi Mohd Nor di Universiti Malaya pada tahun 2007.
7. "Hadith-Hadith Mudarabah dalam *Sunan Sittah*: Takhrij dan Analisis Hukum" oleh Faiz Hakimi Mat Idris di Universiti Malaya pada tahun 2007.
8. "Hadith-Hadith Berkaitan Bid'ah: Analisis Terhadap Hadith-Hadith *Sunan al-Sittah*" oleh Amran bin Abdul Halim di Universiti Malaya pada tahun 2007.
9. "Hadith al-Ijarah dalam *al-Sahihayn*: Prinsip dan Aplikasi Dalam Muamalah Semasa" oleh Mohd Ashrof Zaki b Yaakob di Universiti Malaya pada tahun 2009.
10. "Tarajim al-Abwab di dalam *Sahih Al-Bukhari*: Kajian Terhadap Manusrip Tarjamah al-Bab oleh Tok Khurasan" oleh Mohd Asmawi Muhamad di Universiti Malaya pada tahun 2010.

Di peringkat sarjana muda pula terdapat beberapa kajian dalam bentuk kertas projek yang berkaitan dengan *Sahih al-Bukhari* telah dihasilkan antaranya seperti berikut:

1. "Hadith-hadith Sahih Riwayat *al-Sahihayn* Mengenai Wanita: Salah Faham dan Penjelasan" oleh Maz Lina binti Mohd. Zain pada tahun 2003, Universiti Malaya.
2. "Gambaran Tentang Syurga: Kajian Terhadap Hadith-hadith dalam *Sahih al-Bukhari* oleh Mohd Shukri Bin Mohd Senin pada tahun 2005, Universiti Malaya.
3. "Sumbangan Para Sahabat Dalam Periwayatan Hadith: Tumpuan Terhadap Periwayatan Abu Said al-Khudri R.A. dalam *Sahih al-Bukhari*" oleh Khairunnisa' Binti Yusof pada tahun 2005. Universiti Malaya.
4. "Al-Bukhari Manhajnya dalam Tafsir: Satu Kajian dalam *Sahih al-Bukhari*" oleh Nur Muhamad Bin Muhamad Jamil pada tahun 2006. Universiti Malaya
5. "Hadith-hadith Musykil dari Sudut Ilmu Perubatan dalam *Sahih al-Bukhari*: Satu Kajian Terhadap *Kitab al-Tibb*" oleh Nurulhuda binti Saidin pada tahun 2005. Universiti Malaya.
6. "Metodologi Kitab *Faidul Bari Syarh Sahih Bukhari*" oleh al-Kasymiri oleh Mohd Zakaria bin Mahadi pada tahun 2008. Universiti Malaya.
7. "Analisis Hadith Al-Hijamah: Tumpuan Di Dalam Kitab *Sahihayn*" oleh Muhammad Hanafi bin Mohamad Amin pada tahun 2008. Universiti Malaya.
8. "Hukum Penggunaan Instrumen Muzik Dalam Perspektif Hadith: Kajian Di dalam Kitab *Sahih Al-Bukhari*" oleh Muhammad Na'im bin Shamsuldin pada tahun 2008. Universiti Malaya.

PENUTUP

Sahih al-Bukhari merupakan antara kitab hadith yang mula mendapat perhatian masyarakat Islam di Malaysia untuk dipelajari berbanding pada masa lalu. Jika sebelum ini umat Islam di Malaysia hanya mempelajari kitab hadis 40 dan *Riyad Al-Salihih* oleh Imam al-Nawawi, namun pada hari ini *Sahih al-Bukhari* telah mula diajar sama ada di institusi formal ataupun tidak formal. Pengajaran *Sahih al-Bukhari* di institusi pondok, madrasah, institusi masjid dan surau, seterusnya di peringkat universiti semakin meningkat dari sehari ke sehari. Karya-karya penulisan juga sama ada dalam bentuk huriahan hadith-hadith *Sahih al-Bukhari* ataupun kajian-kajian ilmiah di peringkat universiti terus dipergiatkan dan dipertingkatkan.

Walaupun pengajian kitab ini tidaklah serancak sebagaimana di negara-negara Timur Tengah dan Benua India namun ia tetap dianggap satu permulaan yang baik ke arah memperkenalkan masyarakat Islam kepada kitab tersebut.

RUJUKAN

- Abdul Halim Hadi. (1949). *Ilham al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Pulau Pinang: Persama Press.
- Ahmad Hj. Hassan. (2005). Sumbangan Pengajian Hadis Terhadap Pembinaan Insan: Suatu Kajian Di Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas. Dissertasi (Sarjana Usuluddin) Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhammad Syakir Ahmad. (1994), *al-Ba‘ith al-Hathith Syarh Ikhtisar ‘Ulum al-Hadith*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ash’ari (1954). *Jawahir Al-Bukhari wa Syarh al-Qistillani Bahasa Melayu*. Pulau Pinang: Persama Press, hal. 2-6.
- Al-Marbawi (1934). “*Idangan Guru Sahih al-Bukhari wa Muslim*”. Kaherah: al-Matba‘ah al-Marbawiyah.
- Anwar Ridwan, Zakaria. (2006). “*Kitab Idangan Guru Sahih al-Bukhari dan Muslim: Satu Kajian Dari Aspek Metodologi Huraian Hadith*.” Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengj. Islam Univ. Malaya , K.L.
- Epondok (2008). <http://epondok.tripod.com/tapah2.htm>. Diaksesl pada 26 November 2008.
- Imarah, M. M (t.t.), *Jawahir al-Bukhari*. Mesir: Matba‘ah al-Sa‘adah, hal. 6.
- Che Daud Ismail. (1996), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)*, Kelantan: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
- Che Daud Ismail. (2001), *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, Kelantan: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- JAKIM (1995). *Terjemah Sahih Al-Bukhari*. Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. K.L.
- Mustafa Abdul Rahman & Ibn al-Rawi (1968), *Terjemahan Mukhtasar Ibn Abi Jamrah*, Pulau Pinang: Maktabah Hj. ‘Abdullah b. Muhammad Nordin al-Rawi.
- Norharyati B. Y. (2001) *Metodologi Pengajian Hadith di Pondok Moden, Satu Kajian di Pusat Pengajian Pondok, Kandis, Bachok, Kelantan*. Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin APIUM.
- Suhaimi Abd Wafir (2008). Pengajian Hadith di Perak: Satu Tinjauan Awal. Prosiding Seminar *Al-Quran dan Al-Hadith Nusantara 2008*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM Universiti Malaya.
- Abdul Hafidz et. al. Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan al-Quran Yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Trengganu. *Laporan Penyelidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. eprints.utm.my
- YADIM (1986). *Terjemahan Sahih Al-Bukhari*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, K.L.
- Van Bruinessen, M. (1999), *Kitab Kuning*, cet 3, Bandung: Penerbit Mizan, hal. 162.